

## **Peranan Guru Cemerlang Malaysia di Sekolah** *The Role of Malaysian Excellent Teachers in School*

KHALIZA-S Aidin<sup>1</sup>,  
MOHD HASANI DALI<sup>2</sup>,  
ABDUL SAID AMBOTANG<sup>3</sup>

<sup>1</sup>&<sup>2</sup> *Fakulti Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Jitra Kedah*

<sup>3</sup> *Fakulti Pendidikan & Psikologi, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 KotaKinabalu*

*khaliza@uum.com<sup>1</sup>, hasani@uum.edu.my<sup>2</sup>, said@ums.edu.my<sup>3</sup>*

**Abstrak** Guru Cemerlang Malaysia (GC) merupakan satu skim kenaikan pangkat bagi guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan dengan mengekalkan mereka di bilik darjah tanpa kehilangan mereka sebagai pentadbir sekolah. GC ialah seseorang guru yang dikategorikan sebagai cemerlang dalam bidang kepakaran dan memiliki ciri-ciri kecemerlangan yang boleh membantu kecemerlangan sekolah, rakan sebaya dan para murid. Kajian ini menyiasat peranan yang dimainkan oleh GC terhadap rakan sekerja. Kaedah temu bual bersemuka dilakukan yang melibatkan sepuluh orang GC di salah sebuah negeri di Semenanjung Malaysia. Data dianalisis dengan mengenal pasti tema dan kategori. Dapatan kajian mendapati bahawa GC yang terlibat telah memainkan peranan dari sudut perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran bidang, dari aspek profesional dan personal. Berdasarkan dapatan kajian, antara peranan yang dimainkan oleh peserta ialah seperti perkongsian kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan, menarik di dalam kelas, penggunaan dan pembinaan soalan-soalan ujian dan peperiksaan yang pelbagai. Peserta kajian juga melaporkan berperanan sebagai jurulatih dan permentoran seperti penulisan kertas kerja dan penganjuran bengkel-bengkel di sekolah. Kajian juga mendapati yang GC turut berperanan sebagai orang tengah dalam menyelesaikan isu dalam kalangan guru dan pentadbir dan orang rujukan bagi masalah peribadi yang dihadapi oleh guru di sekolah mereka. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, disarankan agar lebih banyak sokongan diberikan kepada Guru Cemerlang bagi menggalakkan mereka memainkan peranan sebagai Guru Cemerlang di sekolah.

**Kata kunci:** Guru Cemerlang Malaysia, skim kenaikan pangkat, peranan guru cemerlang.

**Abstract** *Excellent Teacher Award Scheme is a promotion scheme awarded to teachers who are excellent in their field of teaching, without them having to move away from teaching in the classroom to doing administrative work. Excellent Teachers are regarded as experts in their subject matter and are highly capable in assisting their schools, peers and students. This study explored the roles of Excellent Teachers in the development of their peers. Ten Excellent Teachers from a state in Peninsular Malaysia participated in face-to-face interviews for this study. Data were analysed by categorising them into themes and categories. Findings of this study showed that Excellent Teachers play important roles in matters through related to knowledge and subject matter through professional and personal aspects. Findings indicated that the participants shared their expertise about effective teaching techniques, classroom practise, and item building for variety of tests and examination. In addition, they also played role of coaches and mentors to their peers by assisting in the preparation of paperwork and sharing their knowledge in workshops organized by their schools. The participants also reported that their role include acting as mediators between administrators and their fellow teachers as well as helping their peers who are struggling with personal issues. Based on these findings, it is recommended that Excellent Teachers are given more support and encouragement, so they can play their roles as Excellent Teachers in schools.*

**Keywords:** *Malaysian excellent teacher; promotion scheme, malaysian excellent teachers' role.*

## PENGENALAN

Guru Cemerlang Malaysia merupakan satu skim perkhidmatan kenaikan pangkat bagi guru-guru yang mempamerkan kecemerlangan dalam pengajaran. Skim ini diperkenalkan pada tahun 1994 sebagai satu usaha bagi memberi peluang kenaikan pangkat kepada guru yang cemerlang agar kekal di dalam bilik darjah tanpa perlu memegang jawatan. Skim ini juga bukan sahaja satu usaha penambahbaikan dalam sistem perkhidmatan, tetapi juga merupakan satu motivasi bagi mereka meningkatkan kecemerlangan dalam pengajaran mereka (*Buku Terma Guru Cemerlang KPM, 2008*). Oleh kerana bilangan guru adalah antara bilangan yang paling ramai

dalam sektor perkhidmatan kerajaan, peluang untuk kenaikan pangkat agak terhad, berbanding dengan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan yang lain. Skim Guru Cemerlang yang diperkenalkan ini akan menjadi satu landasan untuk kenaikan pangkat kepada guru-guru di sekolah, terutamanya yang mempamerkan kecemerlangan yang tinggi (Khaliza-Saidin, 2012).

Di samping skim perjawatan ini diperkenalkan sebagai satu skim kenaikan pangkat, terdapat juga beberapa objektif pengenalan kepada skim ini, iaitu antaranya ialah bagi:

- Memberi pengiktirafan kepada guru yang cemerlang dalam mata pelajaran atau bidang pengkhususan masing-masing.
- Meningkatkan pencapaian kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P).
- Menjadikan Guru Cemerlang *role model* kepada guru lain.
- Meningkatkan kecemerlangan sekolah dengan berkongsi pengalaman dan kemahiran Guru Cemerlang.

*(Buku Terma Guru Cemerlang KPM, 2008)*

Justeru, berdasarkan kepada objektif di atas, dapat dikatakan bahawa tujuan pengenalan skim GC ini bukan sahaja merupakan satu bentuk motivasi dan penghargaan kepada mereka yang menunjukkan prestasi yang tinggi, tetapi juga merupakan satu usaha menggalakkan perkongsian dalam kalangan guru yang cemerlang dengan guru-guru serta pihak sekolah lagi prestasi dan pencapaian sekolah. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh GC di sekolah merujuk aspek kepakaran serta ilmu yang dimiliki oleh mereka kepada guru-guru lain.

## PERANAN GURU CEMERLANG

Kementerian Pelajaran Malaysia (2015) mendefinisikan GC sebagai seorang guru yang mempunyai pengetahuan, berkemahiran tinggi, pakar, dedikasi dan bermotivasi tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab terutama dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, secara umumnya GC yang dilantik di sekolah-sekolah dikehendaki memainkan peranan

dengan memberi sumbangan kepakaran mereka, terutama dalam subjek yang diajarkan. Oleh itu, peranan Guru Cemerlang ini diwujudkan dalam komuniti dalaman ataupun luaran, terutama dalam kalangan rakan guru, yang kita katakan sebagai kerjasama di antara satu sama lain, atau dikenali sebagai kolaborasi. Peranan yang dimaksudkan ini adalah contohnya, hubungan timbal balik antara dua pihak atau lebih yang bekerjasama bagi memburu matlamat dengan berkongsi segala tanggungjawab, hak dan akauntabiliti untuk mencapai kesudahan yang baik dalam menjayakan sesuatu tugas berkaitan dunia pendidikan dan mencapai matlamat yang diingini (Kutsyuruba, 2013). Menerusi hubungan dan kerjasama ini, diharapkan dalam konteks profesion perguruan akan dapat meningkatkan kualiti pengajaran serta pembelajaran murid-murid di dalam bilik darjah.

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh GC di sekolah adalah seperti menganjurkan bengkel-bengkel berkaitan subjek yang diajar, teknik-teknik pedagogi, teknik penulisan dan lain-lain yang berkaitan dengan tugas guru (Barron, 2000). Justeru, aktiviti yang diwujudkan ini dapat membantu guru-guru bertukar fikiran dan pandangan dan dalam masa yang sama meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Chrislip dan Larson (1994) dalam kajian mereka telah menggariskan tiga perkara asas mengenai kerjasama di antara guru-guru di sekolah yang meliputi aspek-aspek komunikasi, aspek menerima dan berlapang dada dan komitmen semua pihak. Mereka berpendapat dalam sesuatu proses komunikasi, ia memerlukan kebolehan komunikasi yang berkesan, berlapang dada tentang perbezaan pendapat yang wujud bagi mengelakkan pergaduhan serta komitmen daripada semua pihak dalam aspek-aspek kebaikan dan bekerja dalam satu pasukan bagi mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi.

Dalam aspek pendidikan, kerjasama di antara guru-guru merupakan elemen penting bagi pembangunan sesebuah sekolah kerana ia berfungsi sebagai platform yang membantu menyelesaikan masalah, menentukan keputusan serta menggabungkan prinsip tindakan, perancangan, kebudayaan, perkembangan, susun atur dan penyelidikan di sekolah (Sackney & Mitchell, 2002). Justeru, peranan dan sumbangan daripada pihak GC sudah tentu amat penting dan bermakna kerana mereka telah pun diiktiraf mempunyai kecemerlangan yang tinggi, terutama dalam subjek

yang diajar (Earl & Timberly, 2009, Elbort & Fulton, 2008). Hubungan dan peranan di antara guru-guru melambangkan kualiti yang tinggi serta menjadi komponen yang sangat kritikal dalam mencorakkan transformasi atau perubahan di sesebuah sekolah, contohnya dari aspek aktiviti pembelajaran, rancangan mengajar dan reka bentuk kursus. Oleh itu, tidak hairanlah jika Kutsyruba (2013) menegaskan bahawa keupayaan untuk bekerjasama di antara para guru dalam ruang lingkup yang besar (masyarakat) dan berskala kecil (sekolah) mampu menjana masyarakat yang celik pendidikan. Jelaslah, jika dilihat kepada pengenalan skim GC dapat menggalakkan penglibatan dan peranan mereka dari segi aspek kepakaran, kemahiran dan ilmu pengetahuan mereka merupakan suatu objektif yang mampu melonjakkan kecemerlangan sekolah menerusi perkongsian ilmu.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu mendapati terdapat kesan-kesan positif hasil daripada peranan yang dimainkan oleh guru dalam komuniti sekolah mampu menjana kebaikan kepada suasana sekolah yang positif (Kutsyruba, 2013; McNeil *et al.*, 2009 & Sawyer, 2007). Sebagai contoh, peranan bagi guru yang lebih senior boleh meningkatkan keyakinan guru lain terhadap tugas seharian di sekolah, memperkasakan profesionalisme guru dalam kalangan guru dan menyerlahkan sikap positif terhadap pengajaran (Kutsyruba, 2013). Bukan itu sahaja, peranan yang dimainkan oleh semua guru di sesebuah sekolah dilihat memberi impak terhadap pembentukan sekolah yang berkesan, menyediakan suasana persekolahan yang lebih kondusif serta mampu melonjakkan prestasi pencapaian para pelajar (McNeil *et al.*, 2009). Di samping itu, Hourcade dan Bauwans (2003) mendapati bahawa apabila guru mengamalkan bekerjasama dan saling memainkan peranan masing-masing akan memberi peluang bagi menggabungkan keunikan, kepakaran dan kemahiran masing-masing dengan rakan sekerjanya. Dalam konteks kajian ini, tentulah banyak kebaikan jika GC yang ada di sekolah-sekolah dapat berkongsi dengan rakan guru yang lain menerusi peranan mereka selaku guru yang pakar serta berpengetahuan dalam subjek yang diajar, berkemahiran dan mempunyai pengalaman yang tinggi.

Bukan sahaja peranan dan hubungan antara guru-guru ini dapat merangsang daya kreativiti dan inovasi guru (Sawyer (2007), malahan ia juga dipercayai boleh memberi aura yang positif dalam budaya kecemerlangan di sekolah. Moolenaar *et al.* (2012) berpendapat bahawa pendidik yang mengamalkan kerjasama dan perkongsian ilmu mampu memainkan peranan penting dalam melonjakkan prestasi akademik pelajar. Peranan-peranan yang dimainkan oleh guru-guru ini dapat menyumbang kepada faktor peningkatan pencapaian pelajar dalam subjek matematik. Hal ini demikian kerana suasana kerjasama serta perkongsian ilmu dan pengalaman di antara guru telah berjaya merangsang guru yang merasakan kebersamaan, dengan merasakan mereka adalah milik sekolah. Ia merupakan satu daya yang menggerakkan mereka untuk bertungkus-lumus berusaha menjayakan misi sekolah bagi melahirkan pelajar yang cemerlang (Moller *et al.*, 2013).

Walaupun kajian-kajian sebelum ini mendapati akan kebaikan serta impak yang positif terhadap peranan yang dimainkan oleh guru-guru, terdapat juga dapatan kajian yang mendapati bahawa hubungan kerjasama ini dilihat sebagai sesuatu proses yang sangat sukar untuk dilaksanakan (Friend & Cook, 2002, Lonard, 2001, Lortie, 1975). Perkara ini dapat dibuktikan apabila guru mendakwa mereka mengalami kesukaran dalam meluangkan masa untuk berinteraksi dan menzahirkan sikap ‘tidak biasa’ dengan sesetengah guru yang mempunyai peranan yang berbeza dalam organisasi. Sekiranya keadaan ini berlanjutan, perpecahan akan berlaku dalam aktiviti guru manakala persekitaran sekolah akan menjadi kurang inovatif, konservatif dan bersifat individualistik (Lortie, 1975). Kajian lain melaporkan bahawa pengurusan masa, kekangan efikasi guru, visi yang kabur, persaingan kumpulan dan konflik pengurusan dipercayai menjadi faktor penghalang untuk mengimplementasikan sikap berkolaborasi di antara guru-guru di sekolah (Lonard, 2001). Lebih parah, struktur fizikal sesebuah sekolah yang seolah-olah direka bentuk bagi pengasingan guru di sekolah telah memberi kesan kepada proses kolaborasi dalam kalangan guru (Friend & Cook, 2002).

Berbeza dengan suatu dapatan terhadap kekangan ini, keadaan ini sangat berbeza dengan negara Jepun yang menyediakan ruangan khas dikenali sebagai *shokuin shitsu* untuk guru berkolaborasi. *Shokuin Shitsu* juga adalah tempat guru dibekalkan dengan meja peribadi dan boleh bertemu antara satu sama lain bagi membincangkan tugas harian dan menyiapkan kerja mereka (Gump, 2002). Justeru, dapat kita katakan, walaupun wujud cabaran atau kekangan dalam menjayakan proses kerjasama ini, masih ada peluang untuk dilaksanakan. Oleh itu, jika dilihat kepada konteks negara Malaysia, GC diberikan peruntukan masa sehari dalam seminggu untuk melakukan program bersama guru atau murid bagi menghubungkan mereka dengan warga sekolah. Walaupun tidak dinafikan akan halangan serta kekangan masa, bebanan tugas, GC diyakini mampu memainkan peranan mereka semaksimum yang mungkin bagi membantu kecemerlangan sekolah.

Isu-isu lain yang juga menyumbang kepada halangan dalam proses kerjasama guru ialah berkaitan fokus guru khususnya GC seperti dapatan oleh Hargreaves (2003) dan Vescio *et al.* (2007) yang menyatakan proses kerjasama ini akan terjejas sekiranya warga yang terlibat tidak fokus kepada pembelajaran dan pencapaian pelajar. Dalam jurnal yang diterbitkan oleh Vescio *et al.*, (2007) mendapati peningkatan pencapaian pelajar berlaku sekiranya kedua-dua pihak fokus bekerjasama antara murid dan guru. Justeru, amat penting untuk guru-guru berorientasikan pendidikan memahami bahawa kolaborasi yang efektif adalah berasaskan agenda yang mengekalkan fokus terhadap pembelajaran murid. Bukan itu sahaja, kajian oleh Hunt *et al.* (2003) mendedahkan bahawa pelajar akan cenderung untuk mengekspresikan sikap asertif, yakin diri dan lebih bermotivasi jika mereka juga mempunyai hubungan yang baik dengan guru. Mereka juga akan lebih berdikari dan sentiasa membuat refleksi terhadap sesi pembelajaran yang dilalui (Butler *et al.*, 2004). Oleh itu, dapat kita katakan bahawa dalam usaha GC dan para guru bekerjasama dalam perkongsian ilmu, kepakaran dan kemahiran, aspek hubungan dengan murid juga perlu dipertingkatkan supaya ia lebih memberi keberkesanan terhadap proses kerjasama tadi.

## OBJEKTIF DAN IMPAK KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh GC dalam kalangan rakan sekerja guru di sekolah. Kajian yang dijalankan ini dapat memberi maklumat kepada pihak berkaitan mengenai peranan yang mampu dimainkan oleh GC di sekolah. Dalam masa yang sama, hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran berkaitan potensi-potensi lain yang terdapat pada seorang GC dan impak terhadap peranan yang dimainkan di sekolah mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai sepuluh orang GC di sebuah negeri di utara Semenanjung. Peserta kajian adalah GC yang telah memegang jawatan tersebut di antara dua hingga sepuluh tahun. Kaedah temu bual bersemuka individu dijalankan ke atas semua peserta yang mengambil masa lebih kurang antara 45 minit hingga 60 minit. Data kemudian ditranskrip dan dianalisis dengan mengenal pasti tema-tema dan kategori berdasarkan objektif kajian. Jumlah peserta yang dipilih adalah memadai berdasarkan (Arber, 1995) bahawa dalam kajian kualitatif, objektif utama kajian adalah untuk mamahami sesuatu fenomena bukan bagi mewakili populasi kajian. Dalam kajian ini, objektif penyelidik ialah bagi meninjau peranan yang telah dilakukan oleh GC di sekolah masing-masing.

## PROSEDUR DAN INSTRUMEN KAJIAN

Sebelum kutipan data dibuat, penyelidik terlebih dahulu memohon kebenaran daripada EPRD, Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah kebenaran diperoleh, penyelidik merujuk kepada Jabatan Pelajaran Negeri bagi mendapatkan senarai nama GC. Setelah senarai nama diperoleh, penyelidik telah merujuk kepada Pengetua/Guru Besar di sekolah terlibat bagi memohon kebenaran untuk menjalankan sesi temu bual. GC yang terlibat kemudian dihubungi dan dibuat temu janji bagi menentukan masa dan tempat temu bual untuk dilaksanakan. Soalan temu bual adalah bersifat semistruktur yang meliputi empat bahagian yang diajukan kepada peserta kajian. Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan peserta yang dikaji.



Bahagian B pula mengandungi soalan berkaitan peranan yang dimainkan oleh GC dari aspek ilmu pengetahuan. Semua temu bual yang dijalankan dirakam untuk dianalisis. Data-data temu bual yang telah dijalankan kemudian ditranskripsikan mengikut tema dan kategori. Data dianalisis mengikut tiga tema peranan GC.

## DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan hasil dapatan kajian. Kajian mendapati GC melaporkan peranan dan sumbangan mereka daripada sudut perkongsian ilmu pengetahuan serta kepakaran yang ada, sumbangan sebagai jurulatih, mentor dan sumbangan dalam membantu guru-guru lain dari sudut profesional dan personal.

### **Perkongsian Ilmu Pengetahuan dan Kepakaran**

Maklumat yang disertakan di bawah adalah berkaitan dengan peranan Guru Cemerlang dalam aspek perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran. Seramai lapan daripada para peserta kajian melaporkan peranan mereka dalam berkongsi ilmu pengetahuan dan kepakaran mereka dengan rakan guru yang lain seperti yang dinyatakan di bawah. Antaranya ialah berperanan memberi tunjuk ajar teknik-teknik pengajaran yang berkesan serta perkongsian membina dan mencari bahan untuk pembinaan soalan-soalan ujian dan peperiksaan. Berikut adalah dapatan yang diperoleh:

“Saya selalu kongsi segala ilmu yang saya pelajari dalam kelas yang saya hadiri. Dengan teknik pengajaran yang lebih baik, saya telah membantu sekolah saya untuk memantapkan pencapaian akademik seterusnya mengharumkan nama sekolah saya”- GC1\_R

Sebagai GC, saya berkongsi banyak perkara dengan guru-guru lain mengenai cara pengajaran saya kepada pelajar semasa sesi kelas dijalankan, contohnya saya gunakan bahan-bahan persekitaran seperti padi atau biji asam. Pelajar suka dan berminat, kerana pada mereka contoh-contoh ini relevan dan dekat dengan diri mereka” - GC3\_M

“Sejak menjadi GC, saya merasakan semakin kreatif. Jika dahulu banyak bergantung kepada buku teks, kini saya selalu melayari internet untuk mendapatkan contoh soalan dan aktiviti. Perkara ini saya kongsi dengan rakan-rakan yang sama mengajar dengan saya ” – GC6\_MM

“Saya bezakan pelajar yang pintar, sederhana dan lemah. Bagi yang pintar, saya perbanyakkan latihan. Yang sederhana saya bantu banyakkkan perbincangan dalam kumpulan serta latihan. Bagi pelajar lemah, mereka lain sedikit, saya perlu lebih memberi bimbingan. Mereka perlu diberi lebih perhatian, jika tidak kelas akan menjadi tidak terkawal dan prestasi mereka tidak dapat ditingkatkan nanti”  
- GC\_8.

Berdasarkan kepada dapatan di atas, didapati GC berperanan selaku guru yang turut membimbing guru-guru lain berkaitan aspek teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan seperti penggunaan ABM dan cara-cara membina serta mencari soalan-soalan latihan, ujian dan peperiksaan. Menerusi peranan yang dimainkan ini, sudah tentu mampu membantu perkembangan guru dan kemajuan para pelajar.

### **Peranan dalam Aspek Profesional**

Seterusnya ialah berkaitan peranan yang dimainkan sebagai jurulatih dan mentor kepada rakan-rakan guru yang lain. Dapatan kajian mendapati tujuh orang GC telah menganjurkan bengkel berkaitan subjek kepakaran mereka kepada rakan sekerja bukan sahaja di dalam sekolah, tetapi juga di luar daripada sekolah masing-masing. GC melaporkan yang mereka bukan sahaja bergerak secara solo, tetapi juga dalam kumpulan terutama kepada sekolah-sekolah yang berprestasi rendah. GC yang terlibat juga melaporkan yang mereka menjadi mentor serta jurulatih berkaitan dengan kepakaran pengajaran mereka. Di samping itu, ada juga GC yang menjadi mentor kepada guru-guru pelatih yang ditempatkan oleh kementerian di sekolah mereka.

Para peserta melaporkan memberikan sumbangan kepada rakan guru menerusi peranan sebagai kepada guru pra perkhidmatan, guru yang baru berkhidmat dan guru yang mengajar subjek tertentu. Laporan disertakan di bawah iaitu:

“Saya juga menganjurkan bengkel bagi berkongsi kepakaran saya. Apabila perjumpaan staf dibuat, saya akan berkongsi teknik mengajar dengan semua orang di sekolah. Di antaranya ialah bagaimana cara pengajaran yang berkesan, menarik dan tidak membosankan.”- GC4\_MN

“Saya cuba untuk berkongsi semua perkara dengan orang lain. Kami GC bekerja secara berkumpulan bagi menolong sekolah berprestasi rendah dengan memberi banyak ceramah kepada guru dan pelajar. Kami juga terlibat dalam ceramah berkaitan penggunaan ICT dalam pengajaran”- GC4\_MN

“Kebanyakan pelajar (guru perkhidmatan) yang saya selia dan membimbing adalah daripada maktab perguruan mereka datang untuk sesi praktikum. Banyak yang saya kongsi dengan mereka dalam aspek praktikal. Cara membaiki meja yang rosak juga saya ajar, tetapi yang penting ialah cara kita berkomunikasi dengan pelajar. Pelajar-pelajar yang datang dari kawasan kampung, bukan mereka tidak pandai, tepai ramai yang malas, mereka perlu dimotivasi, jadi saya ajar pelajar praktikum bagaimana kita mengubah pelajar yang malas ini.”- GC1\_R

“Ada sesetengah rakan guru merujuk kepada saya dalam menulis kertas kerja perancangan sesuatu program. Saya suka berkongsi. Guru baru juga ada berjumpa dengan saya bagi menyemak kertas kerja mereka, kerana mereka tahu saya ada pengetahuan dalam menulis kertas kerja” GC3\_M

“Saya terlibat selaku Jurulatih Utama di dalam daerah bagi subjek saya. Saya berkongsi pengalaman ini bukan sahaja semasa berkursus, tetapi apabila pulang, saya berkongsi di sekolah saya dengan rakan-rakan yang lain, contohnya cara membuat kajian tindakan. Ramai yang biasa dengar, tetapi nak memulakan kajian, mereka kurang arif. Saya juga bantu bagi yang berjumpa saya bagi membuat kertas kerja sesuatu program, sebab mereka tahu saya biasa anjurkan program-program, lagipun sebab saya GC di sekolah, macam merupakan tempat rujuk mereka.” GC7\_U

Berdasarkan dapatan di atas, didapati bahawa GC berperanan menjadi mentor, jurulatih dan pakar rujuk berkaitan kajian tindakan dan cara membuat kertas kerja sesuatu program. Maklumat ini menjelaskan peranan GC yang luas di sekolah memandangkan status yang dipegang, ditambah pula dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki, dapat kita katakan merupakan satu peranan yang besar dan berpotensi bagi GC yang lain dalam memainkan peranan masing-masing di sekolah.

### **Peranan GC dari Sudut Personal**

Empat orang GC dalam kajian ini melaporkan wujud kerjasama dengan menyumbang dari sudut khidmat nasihat, sama ada yang berkaitan dengan tugas rasmi guru atau yang bersifat peribadi. Berikut merupakan dapatan kajian;

“Sebagai GC, saya sepatutnya menyelesaikan masalah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kadangkala saya terpaksa mendengar luahan masalah peribadi guru, di antaranya ialah masalah rumah tangga, saya rasa mereka percayakan saya sebagai GC, kerana itu mereka luahkan isi hati mereka.” - GC5\_Y

“Saya juga sering menjadi penghubung antara guru dengan guru lain yang mempunyai masalah atau pertikaian. Ada guru yang bermasam muka dan tidak berpuas hati, saya diminta menjadi penghubung antara mereka. Jika ada pertikaian di antara pengetua, saya juga dirujuk oleh rakan-rakan untuk berbincang dengan pengetua. Saya merasakan, mereka sangat mempercayai saya, terutama dengan gelaran Guru Cemerlang yang saya ada.”GC5\_Y

“Ada juga ramai guru yang datang berjumpa saya, kadangkala untuk meminjam bahan AbM, benda-benda lain pun mereka merujuk saya, malahan ada yang meminta tukul dan cangkul yang ada di dalam simpanan saya untuk membaiki meja guru, sedihnya kadang-kadang tidak dipulangkan semula.”- GC1\_R

## **Dapatan Tambahan**

Walaupun dapatan di atas menjelaskan bahawa secara keseluruhannya, keseluruhan peserta yang telah berperanan dalam sebagai GC di sekolah masing-masing, terdapat dua orang GC yang merasakan mereka masih belum sepenuhnya berperanan kerana merasakan masih baharu sebagai GC, tidak mendapat maklumat yang mendalam berkaitan bidang tugas GC dan tidak mendapat apa-apa arahan daripada sekolah atau pihak yang berkaitan. Berikut merupakan dapatan daripada hasil kajian seperti yang dilaporkan oleh GC kajian.

“Saya belum lagi dapat benar-benar menyumbangkan apa yang sepatutnya sebagai GC semenjak menjadi GC. Saya belum lagi pernah mendapat surat arahan untuk melaksanakan apa-apa aktiviti sama ada di dalam ataupun di luar sekolah”. GC6\_R

“Saya masih baru dalam dunia GC. Saya merasakan belum lagi dapat bersinar, saya rasa saya tidak diberi peluang”. GC6\_R

“Saya mendapat tahu bahawa hari Ahad merupakan hari yang diperuntukkan untuk GCmelibatkan diri dalam sesuatu projek atau aktiviti. Walau bagaimanapun, belum pernah lagi mendapat surat berkaitan perkara di atas.” GC9\_S

Berdasarkan kepada dapatan di atas, walaupun kebanyakan peserta melaporkan bahawa masing-masing telah berjaya menjalankan peranan selaku GC di sekolah, masih ada peserta yang merasakan belum lagi berperanan sepenuhnya. Antara laporan yang diberikan ialah kerana mereka belum mendapat mana-mana arahan daripada pihak di atas. Justeru, GC terlibat merasakan mereka tidak diberi peluang menyumbangkan peranan mereka seperti yang sepatutnya dan seperti yang termaktub dalam tugas spesifikasi mereka.

Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, dapat dirumuskan bahawa GC yang dilantik berupaya memainkan peranan mereka dan seterusnya berjaya menyumbangkan ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki. Walau bagaimanapun, ada juga dapatan yang mendapati terdapat guru yang merasakan belum dapat memberi sumbangan kerana faktor maklumat dan masih baharu dilantik sebagai GC.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa hampir keseluruhan GC yang terlibat dalam kajian telah berperanan sebagai GC dengan rakan guru di sekolah masing-masing daripada tiga aspek, iaitu peranan dalam berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran, terutama dalam subjek diajar, perkongsian dalam aspek profesional yang melibatkan tugas-tugas guru di sekolah dan juga berperanan dalam menyelesaikan masalah-masalah rakan guru yang bersifat personal. Selaras dengan status GC yang dipegang, lantikan mereka adalah berdasarkan kecemerlangan yang dimiliki, bukan sahaja dalam aspek kandungan mata pelajaran, tetapi juga kemahiran GC dalam aspek-aspek pengajaran, kawalan bilik darjah dan penggunaan alat bantu mengajar. Mereka juga memiliki kemahiran personal dan interpersonal yang boleh menjadi “role model” kepada guru lain di sekolah.

Kebiasaannya, sering kali berlaku perubahan pertukaran dan penempatan guru baharu ke sesebuah sekolah. Hal ini menjelaskan akan suasana baharu bagi sesetengah guru atau pengalaman baru bagi yang baharu memasuki profesion perguruan. Di sini ada ruang bagi GC memainkan peranan mereka sebagai dalam jurulatih, permentoran atau penganjuran bengkel-bengkel berkaitan aspek-aspek pemantapan guru. Dapatan mendapati perkongsian dalam aspek pengajaran, penulisan kertas kerja dan membuat kajian tindakan dapat membantu kecemerlangan seseorang guru. Didapati GC telah memainkan peranan mereka di sekolah. Justeru, dapat dikatakan bahawa GC boleh menjadi pakar rujuk, orang sumber dan dipercayai memiliki maklumat yang diperlukan oleh guru-guru lain.

Dengan gelaran yang dimiliki, mereka juga mendapat kepercayaan daripada rakan-rakan untuk berkongsi masalah dalaman yang bersifat peribadi. Seperti yang kita maklum, sebagai guru tidak terlepas daripada masalah-masalah yang boleh menjejaskan tumpuan tugas seharian. Justeru, dapatan di atas menjelaskan kepada kita yang GC berpotensi memainkan peranan dalam membantu guru-guru menangani isu-isu peribadi. Bukan itu ahaja, dapatan juga mendapati bahawa GC juga menjadi penghubung

kepada hubungan diantara guru dan pihak pentadbiran sekolah terutama pengetua. Kebiasaannya, ada ketika beberap dasar sekolah tidak dipersetujui oleh warga guru, akan tetapi dengan adanya jambatan menerusi GC dapat mengurangkan atau menghilangkan rasa tidak puas hati guru, tetapi dengan cara diplomasi. Justeru, dengan wujudnya GC di sesebuah sekolah akan mampu membantu mewujudkan keharmonian dalam kalangan guru dan menjadi tempat sumber rujukan. Peranan ini penting kerana keadaan iklim yang harmoni antara guru-guru akan mewujudkan iklim yang positif, yang boleh menjana kecemerlangan prestasi kerja guru.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga mendapati terdapat GC yang belum lagi merasakan dapat menyumbangkan sesuatu, sama ada kepada rakan guru ataupun sekolah. GC terlibat memaklumkan bahawa mereka belum lagi mendapat apa-apa maklumat atau arahan daripada pihak berkaitan peranan yang sepatutnya mereka mainkan. Jika perkara ini berterusan, ia mungkin menjadi suatu kerugian kepada pihak kerajaan, kementerian dan sekolah kerana tidak memaksimumkan potensi yang ada pada GC yang mereka miliki.

Dapatan kajian di atas mendapati, sikap proaktif perlu ada pada seseorang GC tanpa menunggu arahan atau surat ataupun jika diminta. Sebagai seorang GC, mereka harus berada di barisan hadapan sekolah dalam membantu meningkatkan pencapaian dan prestasi sekolah. Sikap menunggu arahan bukanlah satu sikap yang memperlihatkan minda kelas pertama. Justeru, perlu ada maklumat daripada pihak atasan yang lebih jelas, tentang peranan yang boleh dan sepatutnya dimainkan oleh GC di sekolah, daerah dan negeri masing-masing. Hal ini selaras dengan dapatan oleh Wei, Darling-Hammond, Andree, Richardson dan Orphenos dalam Wan Har Chong dan Christine (2012) yang mendapati bahawa usaha kerjasama yang wujud sesama guru dapat meningkatkan lagi profesionalisme perguruan. Justeru, kajian mendapati bahawa usaha-usaha memaksimumkan potensi GC harus digalakkan untuk manfaat semua pihak.

## KESIMPULAN

GC bukanlah hanya sekadar skim kenaikan pangkat, jauh di sebaliknya merupakan suatu usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara menerusi barisan guru-guru yang cemerlang serta berdedikasi. Justeru, potensi serta peranan mereka harus digilap dan digerakkan agar lebih banyak peranan dapat dimainkan oleh mereka. Bukan sahaja hebat di dalam kelas, tetapi juga kepada keseluruhan warga sekolah, khususnya para guru. Diharap pihak-pihak berkaitan juga tidak kurang pentingnya memainkan peranan dalam memberikan latihan berterusan kepada para GC yang ada supaya mereka sentiasa terdedah kepada maklumat terkini sepanjang karier mereka sebagai seorang GC.

## RUJUKAN

- Arber, S. (1995). Designing samples. In Gilbert, N (Eds.). *Researching Social Life*, (hlm. 68–93). London: Sage Publications Ltd.
- Barron, B. (2000). Achieving coordination in collaborative problem solving groups. *The Journal of the Learning Sciences*, Vol. 9(4), hlm. 403–436.
- Butler, D. L., Lauscher, H. N., Jarvis-Selinger, S., & Beckingham, B. (2004). Collaboration and self-regulation in teachers' professional development. *Teaching and Teacher Education*, Vol. 20(5), hlm. 435–455.
- Chrislip, D & Larson, C. (1994). *Collaborative leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Earl, L. M., & Timperley, H. (2009). Understanding how evidence and learning conversations work. In L.M. Earl & H. Timperley (Eds.). *Professional Learning Conversations: Challenges in Using Evidence for Improvement*, (hlm. 1–12). Netherlands: Springer.
- Elbot, C., & Fulton, D. (2008). *Building an intentional school culture*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Friend, M., & Cook, L. (2000). *Interactions: Collaboration skills for school professionals (3d ed)*. New York: Addison Wesley Longman.
- Gump, S. (2002). Getting to the heart of public junior high schools in Japan. *PhiDelta Kappan*, Vol. 84(3), hlm. 788–791.
- Hargreaves, A. (2003). *Teaching in the knowledge society: Education in the age of insecurity*. New York: Teachers College Press.



- Hourcade, J.J & Bauwans, J. (2003). *Cooperative teaching: Rebuilding and sharing the schoolhouse* (2<sup>nd</sup> ed.). Austin, TX: Pro-Ed.
- Hunt, P., Soto, G., Maier, J., & Doering, K. (2003). Collaborative teaming to support students at risk and students with severe disabilities in general education classrooms. *Exceptional Children*, Vol. 69 (3), hlm. 315–332.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Buku Terma Guru Cemerlang Malaysia*.
- Khaliza-Saidin. K. (2012). *Recipients' perceptions of the Malaysian Excellent Teacher Award Scheme*. Unpublished thesis. University of Strathclyde: School of Education.
- Kutsyuruba, B. (2013). Teacher collaboration in times of uncertainty and societal change: The case study of Post-Soviet Union Ukraine. *European Education*, Vol. 45(1), hlm. 25–49.
- Leonard, L. J., & Leonard, P. E. (2001). Assessing aspects of professional collaboration in schools: Beliefs versus practices. *Alberta Journal of Educational Research*, Vol. 47(1), hlm. 4–23.
- Lortie, D. (1975). *School teacher: A sociological study*. Chicago: University of Chicago Press.
- MacNeil, A. J., Prater, D. L., & Busch, S. (2009). The effects of school culture and climate on student achievement. *International Journal of Leadership in Education: Theory and Practice*, Vol. 12(1), hlm. 73–84.
- Moller, S., Mickelson, R.A., Stearns, E., Banerjee, N., Bottia, M.C. (2013). Collective pedagogical teacher culture and mathematics achievement: Differences by race, ethnicity and socioeconomic status. *Sociology of Education*, Vol. 86 (2), hlm. 174–194.
- Moolenaar, N.M., Slegers, P.J., & Daly, A.J. (2012). Teaming up: Linking collaboration networks, collective efficacy, and student achievement. *Teaching and Teacher Education*, Vol. 28 (2), hlm. 251–252.
- Sawyer, R.K. (2007). *Group genius: The creative power of collaboration*. New York: Basic Books.
- Vescio, V., Ross, D., & Adams, A. (2008). A review of research on the impact of professional learning communities on teaching practice and student learning. *Teaching and Teacher Education*, Vol. 24 (1), hlm. 80–91.
- Wan Har Chong & Christine. (2012). Teacher collaborative learning and teacher self efficacy: The case of lesson study. *The Journal of Experimental Education*, Vol. 80(3), hlm. 263–283.
- Wei, R. C., Darling-Hammond, L., Andree, A., Richardson, N., & Orphanos, S. (2009). *Professional learning in the learning profession: A status report on teacher development in the US and abroad*. Dallas, TX: National Staff Development Council.

